

# Kerjasama strategik kukuhkan hubungan dua hala

m/s: 2

BH - 29/11/2019

Malaysia sambut baik cadangan Korea Selatan, sedia perluas persefahaman



Malaysia menyambut baik cadangan Korea Selatan untuk meningkatkan hubungan dua hala kepada kerjasama strategik, seiring sambutan peringatan ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik kedua-dua negara, tahun hadapan.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, butiran cadangan itu akan dibincang oleh pegawai kedua-dua negara.

"Kita sudah mengatur lawatan negara Yang di-Pertuan Agong ke Republik Korea (ROK) pada suku ketiga 2020 bagi meraikan detik penting ini.

"Lawatan berkenaan pastinya menjadi kemuncak sambutan peringatan dan menyumbang ke arah pengukuhan hubungan dua hala serta kesalinghubungan antara rakyat," katanya dalam ucapan aluan pada pertemuan mesyuarat dua hala dengan Presiden Moon Jae-In di Rumah Biru di

Seoul, semalam.

Selain lawatan Yang di-Pertuan Agong, Malaysia juga akan menganjurkan beberapa acara, termasuk majlis khas sambutan peringatan ulang tahun dan perlawanan bola sepak persahabatan antara skuad kebangsaan kedua-dua negara.

Setem khas peringatan juga akan dikeluarkan manakala festival filem, forum perniagaan bersama dan pameran kebudayaan bakal berlangsung di Seoul.

Sementara itu, Presiden Moon berkata, kedua-dua negara boleh memperluaskan kerjasama yang dekat di hati rakyat ke arah mendepani Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan pembangunan bandar pintar serta industri halal.

"Saya harap kita boleh meningkatkan kerjasama dalam bidang spesifik seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pertahanan, kesihatan awam serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia baru-baru ini memaparkan visi di belakang usaha ke arah mencapai integrasi nasional dan pembangunan mapan, pada masa sama, kekal memelihara-hara kepelbagaian.

"Memandangkan matlamat wawasan anda selari dengan wawasan kerajaan kami ke arah pembentukan negara inovatif dan inklusif, saya harap ia boleh dibincang hari ini," kata Moon.

Mesyuarat dua hala itu turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind



Dr Mahathir bersama Moon pada pertemuan mesyuarat dua hala di Rumah Biru, Seoul, semalam. Turut kelihatan barisan menteri Kabinet. (Foto BERNAMA)

Singh Deo; Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Empat memorandum persefahaman (MoU) turut ditandatangani dengan disaksikan oleh kedua-dua pemimpin, membabitkan kerjasama dalam bidang ICT, kerajaan digital, penjagaan kesihatan dan sains perubatan, serta

pengurusan air dan pembetulan.

Pada mesyuarat itu, Korea Selatan turut menyatakan minat membeli sebanyak 6,000 tan minyak kelapa sawit Malaysia bagi Program Makanan Dunia (WFP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Malaysia turut mencadangkan Bantuan Pembangunan Luar Negara Korea digunakan untuk

membiayai bersama penyelidikan dalam biodiesel bagi industri marin dan menjadikan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sebagai kriteria mendapatkan jaminan Kredit Bank of Korea.

Dr Mahathir yang mengakhiri lawatan rasmi ke Korea Selatan semalam, menghadiri Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-ROK di Busan, awal minggu ini.